

20/12/2001

Krisis Pemuda MCA kian kritikal

Wan Esuriyanti Wan Ahmad

KUALA LUMPUR, Rabu - Pergolakan dalaman Pemuda MCA bertambah kritikal apabila kumpulan penyokong Presiden parti itu, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, mengeluarkan '52 dalil' yang menuduh Ketua Pemudanya, Datuk Ong Tee Kiat, sebagai punca krisis berkenaan.

Kelompok penyokong Dr Ling yang dikenali Kumpulan A itu, turut mengulangi pendiriannya menolak cadangan Kumpulan B yang meminta semua Ahli Jawatankuasa Pusat (CC) Pemuda MCA meletak jawatan beramai-ramai bagi membolehkan pemilihan baru diadakan.

Kumpulan B yang menyokong Timbalan Presiden, Datuk Lim Ah Lek, pada sidang akhbar kira-kira jam 11 pagi ini, sekali lagi mengemukakan cadangan peletakan jawatan beramai-ramai itu selewat-lewatnya jam 5 petang esok sejurus sebelum mesyuarat CC diadakan.

Sidang akhbar Kumpulan B diketuai oleh Pemangku Setiausaha Agung Pemuda MCA, Liow Tiong Lai itu diadakan di Ibu Pejabat MCA, Jalan Ampang. Ong bagaimanapun tidak muncul pada sidang akhbar itu.

Pada sidang akhbar di tempat sama jam 12 tengah hari, Kumpulan A menolak cadangan berkenaan.

Ketua Pemuda MCA Selangor, Datuk Ch'ng Toh Eng, yang mengetuai sidang akhbar Kumpulan A mendakwa, kontroversi yang melanda pergerakan itu jelas disebabkan sikap peribadi dan tindakan Ong yang melanggar beberapa peruntukan perlembagaan parti.

"Kami menyambut baik janji Ong menyelesaikan masalah dalaman Pemuda MCA sebagaimana dinyatakan kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, tetapi kami juga percaya bahawa segala kemelut sekarang adalah berpunca dari dia sendiri," katanya.

Antara dalil mengaitkan Ong yang didakwa oleh Kumpulan A termasuk:

- * Mesyuarat CC Pemuda MCA tidak membincangkan isu pembelian saham Nanyang Press Holdings Bhd, sebagaimana dilakukan CC parti dan pergerakan Wanita MCA;

- * Ong menyalahgunakan Artikel 31 perlembagaan parti dan tidak mengikuti Artikel 165.1 perlembagaan, dengan menyampaikan pandangannya sendiri (semasa mesyuarat agung luar biasa (EGM)).

- * Ong menolak permintaan 21 ahli CC bagi mengadakan mesyuarat tergepar pada 20 Jun, yang antara lain bertujuan untuk menyelesaikan salah faham mengenai prosedur berkaitan permintaan mengadakan EGM.

- * Pada 21 Jun lalu, Ketua Biro Perundangan MCA, Leong Tang Chong, menjelaskan bahawa permintaan terhadap EGM tidak selaras dengan perlembagaan tetapi Ong menolak nasihat berkenaan.

Ch'ng berkata, ahli Kumpulan B juga bebas meletak jawatan dan mereka tidak perlu mengarahkan Kumpulan A bertindak mengikut kehendak mereka.

Katanya, pemilihan barisan kepimpinan pergerakan itu tidak perlu diadakan jika 21 ahli CC Kumpulan B ingin meletak jawatan beramai-ramai kerana mengikut perlembagaan parti, pemilihan baru hanya akan diadakan apabila lebih separuh daripada 46 ahli CC meletak jawatan.

"Saya rasa tidak perlu mengadakan pemilihan baru dalam pergerakan ini kerana pemilihan parti akan diadakan dalam masa beberapa bulan lagi," katanya.

Dijangkakan bahawa pemilihan barisan kepimpinan Pemuda di peringkat cawangan akan diadakan pada Mac depan, bahagian (April), negeri (Mei) dan CC (Jun).

Terdahulu, Liow berkata, permintaan letak jawatan itu adalah cadangan

ikhlas kumpulannya dalam menyelesaikan pergolakan dalaman pergerakan itu.

"Semua ahli CC Pemuda perlu meletak jawatan sebelum mesyuarat CC parti bermula jam 5 petang esok. Ini bukanlah satu tekanan tetapi sebagai satu cadangan ikhlas," katanya.

Pada masa sama, beliau berkata, kumpulan itu turut mencadangkan satu mesyuarat agung luar biasa (EGM) diadakan supaya perwakilan yang hadir dapat membuat keputusan sendiri mengenai kemelut dihadapi pergerakan itu.

Naib Pengerusi Pemuda MCA, Datuk Liew Yuen Keong, yang turut serta dalam Kumpulan B pula berkata, satu pertiga dari perwakilan yang akan menghadiri mesyuarat CC esok sudah menandatangani persetujuan menyokong cadangan pihaknya. Bagaimanapun, katanya, jika cadangan meletak jawatan itu tidak mendapat sambutan Kumpulan A, mesyuarat EGM perlu diteruskan juga.

Kira-kira jam 3 petang, Kumpulan B sekali lagi mengadakan sidang akhbar tetapi menyentuh soal laporan Kumpulan Veteran yang akan diserahkan kepada mesyuarat CC, esok.

(END)